

**Kampuchea**Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia**PM gesa  
Perancis  
bantu  
atasi  
krisis**

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Malaysia hari ini menyeru Perancis memberi sumbangan secara positif ke arah penyelesaian politik mengenai isu Kampuchea kerana Perancis mempunyai hubungan sejarah dengan negara-negara di rantau ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, keadaan yang berterusan di Kampuchea mengancam kestabilan dan keamanan serantau di samping penglibatan dan campurtangan luar di rantau ini.

Berucap di majlis makan malam meraikan Perdana Menteri Perancis, Enik Pierre Mauroy di Bangunan Parlimen, Datuk Seri Dr. Mahathir menyeru masyarakat antarabangsa memberi sokongan mencari penyelesaian politik segera berlandaskan prinsip deklarasi Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea dan lain-lain ketetapan Bangsa-Bangsa Bersatu.

**Tepat**

Perdana Menteri berkata, penubuhan kerajaan campuran Demokratik Kampuchea yang dipimpin oleh Pute-  
ra Norodom Sihanouk adalah perkembangan yang dialu-alukan ke arah pencapaian penyelesaian politik mengenai isu Kampuchea.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, Malaysia dan Perancis mempunyai pandangan yang sama mengenai berbagai isu.

Ini membolehkan kedua negara bekerjasama secara berkesan di Bangsa-Bangsa Bersatu dan forum antarabangsa yang lain serta dapat meletakkan asas yang kukuh dalam hubungan dua hala.

Perdana Menteri memberi jaminan, 'Dasar Memandang ke Timur' tidak bermakna Malaysia mengabaikan barat keseluruhannya.

Bellau menjelaskan ia bertujuan mengimbangi pengaruh asing dalam pembangunan negara.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Barat kekal sebagai rakan dalam usaha pembangunan.

Oleh itu, pakar teknologi dan pelaburan dari Perancis adalah dialu-alukan.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga berkata, Malaysia mengalu-alukan langkah Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC)

mengkaji semula dasarnya untuk meluaskan kerjasama ekonomi dengan negara-negara membangun.

Perdana Menteri mensifatkan kajian semula itu sebagai langkah positif dan bertepatan masanya berikutan keadaan ekonomi antarabangsa yang buruk akibat dasar perlindungan dan kegagalan dasar kewang.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kerjasama ekonomi dengan negara-negara membangun akan dapat memulihkan keadaan ekonomi negara-negara barat sendiri.

Sebaliknya, negara-negara membangun akan mendapat bantuan kerjasama di bidang industri, teknologi dan perdagangan.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan kesalnya terhadap Perancis, sebagai sebuah anggota EEC yang berpengaruh telah mengenakan peraturan supaya semua dokumen import kastam disediakan dalam Bahasa Perancis.

Ini adalah satu lagi bentuk halangan bukan tarif bagi pengaliran bebas perdagangan.

Enik Pierre Mauroy, dalam ucapannya berkata Perancis akan bersedia memberi sumbangan dalam mencari penyelesaian di rantau ini apabila tiba masanya.

Bagaimanapun, katanya, dialog yang berterusan hendaklah diadakan oleh semua pihak terlibat.

"Sejarah kami mempunyai pertalian dengan rantau ini. Kami bersedia membantu demi keamanan dan kedamaian," ujarnya.

Bellau juga berkata, Perancis adalah negara terawal yang menyatakan kebimbangan mengenai jurang antara negara-negara membangun dan kaya.

Katanya, Perancis telah menyatakan pendirian untuk membantu mengecilkan jurang dengan berusaha menjayakan dialog Utara-Selatan.

No. Siri

No. Pen